



# CHECK POINT 1: AMALAN HIJAU

## APA ITU AMALAN HIJAU DALAM EKSA

Amalan hijau dalam EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam) bermaksud usaha dan tindakan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang mesra alam, lestari, dan menjimatkan sumber.

Itu adalah sebahagian daripada elemen "Sentiasa Amal" dalam prinsip 5S, di mana warga organisasi digalakkan untuk mengekalkan dan memperbaiki suasana kerja yang kondusif serta bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

lll

# CHECK POINT 2: MARI MENGEMAS

## Tujuan Aktiviti Mengemas

1. Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan profesional.
2. Menghapuskan pembaziran ruang, masa, dan tenaga dengan tempat kerja yang teratur.
3. Meningkatkan kecekapan kerja kerana mudah mencari dan menyimpan dokumen atau peralatan.
4. Menanam nilai tanggungjawab dan disiplin diri dalam menjaga kebersihan kawasan kerja.



# CHECK POINT 3:

- \* CARI & KENALI SAYA
- \* KEMASKINI PELAN RANTAI SAYA

1. Mengemaskini pelan lantai (floor plan) adalah salah satu komponen penting dalam pelaksanaan EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam) kerana ia memastikan kawasan kerja disusun secara sistematik, selamat dan efisien.
2. Teka silang kata EKSA bukan sekadar permainan – ia adalah alat pembelajaran kreatif yang menggabungkan keseronokan, pendidikan dan kerjasama.
3. Dengan aktiviti seperti ini, nilai EKSA dapat difahami, dihayati, dan diamalkan secara berterusan oleh semua warga organisasi



# CHECK POINT 4: AUDIT TEMPAT SAYA

1. Audit bukan sekadar “periksa kebersihan,” tapi satu proses untuk menilai, menambah baik, dan memastikan budaya kondusif terus hidup.
2. Audit membantu organisasi melihat tahap sebenar pelaksanaan EKSA – sama ada amalan 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam, Sentiasa Amal) dijalankan dengan betul atau sekadar formaliti.
3. Melalui audit berkala, staf lebih peka untuk memastikan ruang kerja sentiasa kemas dan bersih kerana mereka tahu akan dinilai
4. Audit bukan untuk mencari salah, tetapi untuk mengesan peluang memperbaiki sistem kerja.





# AKTIVITI TERAKHIR CANTUM & SUSUN LOGO.OBJEKTIF DAN 5S



Aktiviti “Cantum dan Susun Logo, Objektif dan 5S EKSA” bertujuan mengukuhkan kefahaman, kerjasama dan semangat pasukan dalam menerapkan nilai-nilai EKSA secara interaktif dan menyeronokkan.

